

Tangkap pihak fitnah PM - Wira Perkasa
Astro Awani
Julai 05, 2015
Oleh Hilal Azmi

KUALA LUMPUR: Wira Perkasa Malaysia menggesa pihak berkuasa menahan individu yang membuat fitnah terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Gesaan itu dibuat Ketua Wira Perkasa, Irwan Fahmi Ideris susulan tindakan [Wall Street Journal](#) (WSJ) yang dikatakan menyiarkan laporan memfitnah Najib.

Irwan menjelaskan pihaknya membuat laporan polis bagi membolehkan tindakan perundangan diambil kepada pihak yang terbabit.

"Kita serah pada pihak berkuasa untuk siasat. Jika perkara ini tidak betul, adalah tidak wajar Perdana Menteri difitnah.

"Kami tak mau pemimpin kita ditohmah sebegini memandangkan ia melibatkan intergriti negara," katanya selepas membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi.

Pada Jumaat, WSJ melaporkan berlaku perpindahan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bernilai hampir AS\$700 (RM2.6 bilion) ke akaun perseorangan yang menggunakan nama 'Datuk Seri Mohd Najib Bin Hj Abd Razak'.

Sementara itu, Angkatan Muda Keadilan (AMK) turut membuat laporan polis berkaitan laporan WSJ berkenaan.

"Bagi saya ini isu yang cukup besar, dan kita dah banyak lihat skandal, tetapi skandal ketara seperti ini belum pernah kita lihat.

"Jadi, kami buat laporan polis dan kami harap pihak polis dapat siasat perkara ini," kata ketua AMK, Nik Nazmi Nik Ahmad ketika ditemui media di hadapan IPD Dang Wangi.

Nik Nazmi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Seri Setia juga menggesa agar Perdana Menteri bercuti sementara kes ini disiasat.

"Isu ni memang nampak tak berapa cantik, tetapi kita perlukan badan yang benar-benar bebas untuk siasat isu ini. Untuk itu, elok kiranya beliau (Najib) bercuti sementara siasatan dijalankan.

"Perkara ni penting, nanti kalau dah selesai, tak mengapa la. Tapi kalau sebaliknya, beliau patut berundur," tambahnya.

Sebelum ini, Peguam Negara [Tan Sri Abdul Gani Patail](#) dalam kenyataannya berkata, pihak berkuasa menyiasat pejabat tiga buah syarikat yang dikaitkan dengan dakwaan pemindahan sejumlah dana yang besar ke akaun Najib selain memperoleh sejumlah dokumen yang berkaitan.

Malah Jabatan Peguam Negara turut membentuk satu pasukan khas untuk menyiasat dakwaan seperti yang dilaporkan WSJ dan *Sarawak Report* pada Jumaat.

Tiga syarikat yang diserbu dan kini disiasat berikutan dakwaan akhbar antarabangsa itu ialah SRC International Sdn Bhd, Gandingan Mentari Sdn Bhd dan [Ihsan Perdana Sdn Bhd](#).

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D).

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/tangkap-pihak-fitnah-pm-wira-perkasa-64888>